

PENGURUSAN KEWANGAN SEKOLAH : SATU KAPAN DARI
SUDUT PENGURUSAN DAN SIKAP BEKERJA PEMBANTU
TADBIR KEWANGAN DI LIMA BUAH SEKOLAH MENENGAH
DI BAHAGIAN PANTAI BARAT SELATAN, SABAH

JAINIM BIN SAMARON

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Abstrak Dissertasi ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan
dan Pentadbiran).

**PENGURUSAN KEWANGAN SEKOLAH: SATU KAJIAN DARI SUDUT
PENGURUSAN DAN SIKAP BEKERJA PEMBANTU TADBIR KEWANGAN
DI LIMA BUAH SEKOLAH MENENGAH DI BAHAGIAN PANTAI BARAT,
SABAH.**

Oleh

Jainim bin Samaron

Septembar 1997

Penyelia : Profesor Madya Tuan Haji Mohd Idris bin Mansor

Fakulti : Fakulti Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang masalah
pengurusan kewangan, peranan pembantu tadbir kewangan dan tahap
kepuasan bekerja di kalangan pembantu tadbir di sekolah. Terdapat 15
responden dalam kajian ini, iaitu lima orang pengetua dan sepuluh orang
pembantu tadbir kewangan sekolah. Dua set soal selidik digunakan untuk

mengumpul data yang diperlukan. Set pertama ialah soalselidik untuk mendapat maklumat tentang pengurusan kewangan sekolah daripada pengetua. Set kedua ialah soalselidik untuk pembantu tadbir kewangan, terdiri daripada 37 item yang berkaitan dengan lima dimensi kepuasan kerja yang dipilih.

Data yang telah dikumpul dianalisis menggunakan kekerapan, peratusan, ujian 't' dan korelasi. Ujian 't' digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan pembantu tadbir berdasarkan jantina dan gred sekolah terhadap dimensi kerja. Korelasi pula digunakan untuk menentukan perkaitan antara dimensi kerja dengan pembolehubah tak bersandar. ARB pula digunakan untuk menentukan pembolehubah utama yang penting daripada pembolehubah bersandar yang dipilih dalam kajian ini mempengaruhi kepuasan kerja responden.

Secara keseluruhan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dan gred sekolah dengan lima dimensi kerja yang dipilih. Walau bagaimanapun terdapat perkaitan yang agak sederhana antara lima dimensi kerja dengan pembolehubah tak bersandar. Dimensi kerja yang paling kuat mempengaruhi ketidakpuasan bekerja di kalangan pembantu tadbir kewangan sekolah ialah pangkat.